

### Arahan:

1. Guru perlu menyediakan papan permainan dam ular.
2. Setiap kumpulan akan bermain permainan dam ular dengan menjawab soalan-soalan berkaitan tajuk yang dipelajari dalam bidang aqidah.
3. Murid diminta mencabut kad soalan secara rawak dan setelah soalan tersebut berjaya dijawab dengan betul, murid boleh membaling dadu dan bergerak sebagaimana papan dam ular.
4. Sekiranya gagal menjawab soalan, mereka akan hilang giliran untuk bergerak dan tunggu giliran yang seterusnya.
5. Permainan dianggap berjaya jika sampai terlebih dahulu.

### Contoh-contoh soalan :

1. Berapakah bilangan nama-nama Allah Asmaul Husna?
2. Apakah maksud Allah al-'Azim dan al-Hamid?
3. Berapa bilangan nabi yang wajib kita ketahui?
4. Apakah perbezaan antara Nabi dan Rasul?
5. Berikan 2 contoh mukjizat nabi.
6. Apakah maksud kufur?
7. Berikan contoh amalan kufur.
8. Apakah maksud nifak?
9. Sebutkan tanda-tanda orang munafik.
10. Apakah kesan munafik?